



**TEKANAN** inflasi dilihat sebagai antara faktor yang menjadikan sentimen untuk membeli hartanah sedikit lemah.

- GAMBAR HIASAN

# Minat beli hartanah terus mendatar

**PETALING JAYA** – Jumlah permohonan pembiayaan untuk pembelian hartanah pada Mei lalu merosot 1.7 peratus tahun ke tahun kepada RM40.2 bilion, berdasarkan data terbaru oleh Bank Negara Malaysia.

Ini selepas jumlah permohonan merekodkan penurunan 6.3 peratus tahun ke tahun pada April 2022.

Firma penyelidikan pasaran, MIDF Research berkata, secara keseluruhan, jumlah permohonan pembiayaan hartanah tidak banyak berubah pada RM191.8 bilion untuk lima bulan pertama tahun ini, iaitu pertumbuhan 0.4 peratus tahun ke tahun.

“Hal ini memperlihatkan minat membeli hartanah masih mendatar, meskipun dalam fasa pembukaan semula sektor ekonomi.

“Kami melihat prospek jualan baharu lembap disebabkan sentimen pengguna mungkin menjadi lemah akibat tekanan inflasi.

“Ini menyebabkan mereka berat hati untuk membuat sebarang pembelian besar” katanya dalam nota kajian yang diterbitkan semalam.

Dalam pada itu, MIDF Research berkata, jumlah pembiayaan diluluskan bagi pembelian hartanah pada Mei lalu bagaimanapun meningkat 6.9

peratus tahun ke tahun kepada RM15.7 bilion, disebabkan kadar kelulusan lebih tinggi pada 39 peratus berbanding 35.8 peratus pada bulan sama tahun lalu.

“Secara keseluruhan, jumlah pembiayaan diluluskan meningkat kepada RM74.9 bilion dalam tempoh lima bulan, iaitu kenaikan 13.7 peratus tahun ke tahun yang menjanjikan unjuran jualan lebih baik buat pemaju.

“Pun begitu, kami melihat syarat bank yang ketat masih menjadi cabaran buat syarikat hartanah, memandangkan kadar kelulusan pembiayaan kekal bawah 40 peratus Mei lalu,” ujarnya.